

**BN Selangor hulur bantuan
Utusan Online
13 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 12 Mac - Barisan Nasional (BN) negeri Selangor hari ini menyalurkan bantuan berupa dapur memasak dan tong gas kepada 331 keluarga di kawasan Lembah Jaya Utara, Ampang yang terjejas teruk berikutan kejadian banjir buruk di kawasan itu Rabu lalu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, ia merupakan bantuan peringkat pertama kepada mangsa-mangsa banjir terbabit.

"BN akan menggerakkan banciaan terperinci untuk mengenal pasti mangsa-mangsa banjir di kawasan Ampang dan di Hulu Langat bagi memastikan tiada siapa pun yang tertinggal dalam menerima bantuan.

"Kita sampaikan bantuan dapur dan tong gas ini kepada mangsa di Ampang dahulu sebelum Hulu Langat dan kita tidak akan memilih bulu kerana bantuan ini berkonsep 1Malaysia, semua pihak berhak tanpa mengira fahaman politik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat kawasan kediaman mangsa-mangsa banjir di Lembah Jaya Utara dan menyampaikan sumbangan kepada penduduk terbabit di Bilik Gerakan Banjir BN di Rumah Pangsa Desa Lembah Permai, Ampang, di sini hari ini.

Jelas Noh, menyedari makanan merupakan antara masalah utama yang dihadapi mangsa-mangsa banjir, pihaknya hari ini telah menyediakan sebanyak 2,000 nasi beriani bungkus kepada penduduk terlibat.

"Di samping itu, pihak Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) turut menyampaikan sumbangan RM5,000 dan akan bekerjasama dengan Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) untuk menyediakan makan malam kepada para penduduk," katanya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Katanya, daripada perangkaan awal yang diperoleh, sebanyak 331 keluarga terlibat dalam kejadian banjir di Ampang manakala lebih 3,000 keluarga di Hulu Langat.

"BN Selangor juga telah menempah sebanyak 10,000 tilam yang dijangka dapat diberikan kepada penduduk pada minggu hadapan di samping bantuan pakaian sekolah kepada para pelajar yang terjejas," katanya.

Katanya, BN akan terus membuka Bilik Gerakan Banjir kepada orang ramai dan program gotong-royong akan diadakan esok di kawasan Ampang bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.htm